

Jasa seppanjang hayat



Oleh

**Noor Mohamad
Shakil Hameed**

TAHUN ini Majlis Pelan-
caraan Sambutan Peraya-
an Hari Guru Peringkat
Kebangsaan ke-41 de-
ngan tema 'Guru Inovatif
Melonjakkan Transformasi
Pendidikan Negara' diada-
kan hari ini di Kuala Kangsar,
Perak.

Seperti biasa tarikh 16 Mei
sentiasa ditunggu warga pen-
didik sebagai pengiktirafan
kepada pengorbanan mereka
mendidik anak bangsa men-
jadi manusia bermaruah.

Saban tahun pelbagai isu
mewarnai dunia pendidikan
negara baik seperti masalah
disiplin pelajar, tindak tan-
duk guru serta campur tan-
gan ibu bapa.

Selain itu, guru menuntut
laluhan kerjaya lebih menarik
seperti peluang kenaikan
pangkat dan penambahbai-
kan terhadap skim perkhid-
matan perguruan sedia ada.

Tuntutan demi tuntutan
yang dikemukakan selama
ini sama ada dari pihak ke-
satuan atau guru secara in-
dividu menyebabkan penulis
terfikir sejenak apakah ini
petanda kita masih gagal
menghargai dan mengiktiraf
sumbangan guru?

Lantas penulis terlintas
bait-bait sajak nukilan Sas-

terawan Negara, Allahyar-
ham Usman Awang pada ta-
hun 1979 yang bertajuk 'Gu-
ru Oh Guru'. Antara lain
sajak ini berbunyi:

*"Jika hari ini seorang
Perdana Menteri berkuasa
Jika hari ini seorang
Raja menaiki takhta
Jika hari ini seorang
Presiden sebuah negara
Jika hari ini seorang
ulama yang mulia
Jika hari ini seorang
peguam menang bicara
Jika hari ini seorang
penulis terkemuka
Jika hari ini siapa sahaja
menjadi dewasa;
Sejarahinya dimulakan oleh
seorang guru biasa
Dengan lembut sabarnya
mengajar tulis-baca"*

Setiap rangkap mencerita-
kan sumbangan, peranan
dan kejayaan besar guru
mendidik dan membentuk
masyarakat. Kita pasti ter-
hutang budi kepada guru da-
lam keadaan apa sekalipun.

Kita mungkin tidak berada
dalam kedudukan yang se-
lesa, berjawatan besar atau
menjadi manusia dihormati
tanpa bimbingan dan didi-
kan seorang guru.

Justeru, bagaimana perasa-
an anda apabila menyaksikan
insiden seperti pelajar me-
nampar guru, ibu bapa me-
maki guru atau pelajar me-
rosak kenderaan guru?

Jika tidak kecewa atau sedih, ini menunjukkan anda belum menghargai jasa dan pengorbanan guru.

Guru bertanggungjawab membentuk tamadun manusia melalui penyebaran ilmu. Jasa mereka amat besar, begitu juga pengaruh mereka.

Justeru, usah asyik mencari kesalahan mereka semata-mata. Sekarang amat jarang kita dengar pelajar atau ibu bapa mengucapkan 'terima kasih' kepada guru.

Ini adalah satu fenomena yang cukup menyedihkan dan sepatutnya tidak berlaku

dalam masyarakat kita yang mementingkan gaya hidup sopan santun.

Walaupun ada segelintir guru yang mungkin bermasalah atas pelbagai faktor peribadi terutama memilih kerjaya guru kerana terpaksa, ia tidak wajar untuk kita menghakimi keseluruhan institusi perguruan.

Hakikatnya tugas guru alaf baru amat mencabar berbanding guru zaman dahulu. Pelajar juga lebih tahu serba-serbi dan cepat membe-rontak mengikut emosi. Akibatnya, guru terpaksa me-

lalui pelbagai dugaan baik di peringkat sekolah rendah atau menengah bagi memenuhi tuntutan pelajar dan ibu bapa.

Maka, ibu bapa perlu memainkan peranan dengan menyedarkan anak-anak mereka menghargai jasa serta pengorbanan guru. Anak-anak perlu diajar menghormati guru dan ibu bapa perlu memberi kepercayaan kepada guru menjalankan tanggungjawab mereka tanpa sebarang gangguan.

Masyarakat perlu meletak guru di kedudukan yang betul. Perlu diingat bahawa gelaran guru pada seseorang itu akan kekal hingga ke akhir hayat, satu bukti betapa tingginya kerjaya itu.

Walaupun ramai yang masih bertanggapan bahawa kerja guru mudah, boleh balik awal, kerja separuh hari dan mempunyai cuti yang panjang, ramai tidak sedar cabaran mereka setiap hari.

Tidak ramai yang sedar guru perlu bekerja sehingga lewat petang walaupun mengajar sesi pagi, terpaksa bekerja di hujung minggu serta melayan pelbagai kerenah anak murid dan ibu bapa.

Itu belum lagi soal tugas perkeranian yang semakin bertambah. Hakikatnya waktu kerja guru bukanlah mengikut jadual kerja seperti penjawat awam yang lain 8 pagi hingga 5 petang tetapi ia berterusan selama 24 jam.

Justeru, kita perlu mengiktiraf sumbangan guru dengan sebaik yang mungkin. Langkah kerajaan merangka Pelan Pembangunan Pendidikan melalui Kajian Semula

Sistem Pendidikan Negara bagi mentransformasikan sistem pendidikan negara secara menyeluruh amat dialu-alukan.

Hal ini penting demi mengangkat dan memperkasa martabat profesion perguruan ke tahap tertinggi.

Ini kerana pemantapan profesion perguruan akan turut memantapkan sistem pendidikan negara, sekali gus melahirkan modal insan dan generasi masa depan yang hebat, berkaliber, serba boleh dan bijak.

Gunakanlah ruang dan peluang disediakan dalam sesi dialog Kajian Semula Sistem Pendidikan Negara bagi memberi pandangan, cadangan dan idea-idea bernas agar kerajaan dapat memperkenalkan satu pelan transformasi khas untuk profesion perguruan.

Bagi memberi impak dan makna yang berkesan serta tarikh keramat 16 Mei ini tidak dilupakan begitu sahaja.

Penulis juga mengesyorkan kerajaan mempertimbangkan cadangan mengisytiharkan 16 Mei setiap tahun sebagai cuti umum di seluruh negara.

Jika menjadi kenyataan, ia adalah kemuncak pengiktirafan terhadap institusi perguruan di negara ini.

Semoga kehadiran Timbalan Perdana Menteri sebagai Menteri Pelajaran dapat merealisasikan hasrat murni ini. Terima kasih cikgu. Selamat Hari Guru 2012.

>Penulis ialah Ketua Bahagian Perancangan Korporat, Universiti Putra Malaysia (UPM)



TAK TERNILAI...pelajar Kolej Tunku Kurshiah Seremban mengucapkan Selamat Hari Guru kepada guru mereka.